

BAB KETUJUH

KESIMPULAN

7.0 Pengenalan

Bab Ketujuh ini merupakan bab terakhir dari tesis ini. Ianya terdiri dari Kesimpulan, Sumbangan Kajian, Saranan dan Penutup. Penyelidikan yang dilakukan oleh penulis ini diharapkan telah menjawab soalan yang dinyatakan dalam sub-bab 1.2 tentang Pernyataan Masalah, iaitu (1) tentang jenis kolokasi bahasa Arab yang terdapat dalam Tafsir *Fī Zilāl al-Qur'ān*, dan (2), tentang penterjemahan kolokasi tersebut ke bahasa Melayu sama ada Melayu-Malaysia mahupun Melayu-Indonesia. Apa yang telah dilakukan penulis dapat disimpulkan sebagai berikut:

7.1 Kesimpulan

Selepas mendiskusikan panjang lebar kolokasi bahasa Arab dan masalah penterjemahannya ke bahasa Melayu, dengan mengkaji teks sumber berbahasa Arab yang ditulis oleh Sayyid Quṭb dan teks terjemahannya sama ada dalam bahasa Melayu Malaysia yang dikerjakan oleh Yusoff Zaky Haji Yacob atau dalam bahasa Melayu Indonesia yang dikerjakan oleh tim penterjemah dari Penerbit Gema Insani Press, dapatlah kiranya diambil beberapa kesimpulan sebagai berikut:

1. Bahasa Arab sebagai bahasa dunia yang mendapat kehormatan sebagai bahasa yang mengekalkan firman-firman Allah SWT dan sunnah Rasulullah SAW serta kitab-kitab yang menjelaskan kedua sumber ajaran Islam ini, sama dengan bahasa dunia lainnya tidak terasingkan dari ciri-ciri universal bahasa, di antaranya adalah kolokasi. Fenomena

kolokasi telah pun ada sejak bahasa Arab belum bersentuhan dengan ajaran Islam. Namun, para pakar bahasa Arab pada masa itu belum menamainya sebagai kolokasi.

2. Kajian yang telah dilakukan ini telah memberikan jawapan terhadap soalan yang dikemukakan pada bahagian awal dari kajian. Soalan terpenting yang ingin dicarikan jawabannya melalui kajian ini adalah jenis kolokasi seperti apa yang wujud dalam Tafsir *Fī Zilāl Al-Qur'ān*, dan bagaimana penterjemahan kolokasi itu dilakukan ke bahasa Melayu, sama ada Melayu-Malaysia atau Melayu-Indonesia. Dari pembahasan panjang lebar dalam Bab Keenam, kedua-dua soalan ini telah terjawab. Jumlah jenis kolokasi yang ditemukan dalam Tafsir berjumlah 21 (dua puluh satu) jenis kolokasi ditinjau dari sudut pandang tatabahasa, dan 5 (lima) jenis kolokasi dilihat dari sudut pandang semantik. Dari 328 (tiga ratus dua puluh lapan) contoh yang dikemukakan diketahui bahawa sebagian besar dari kolokasi tersebut mendapatkan padanan yang sesuai sama ada dalam bahasa Melayu-Malaysia ataupun dalam bahasa Melayu-Indonesia. Metode penterjemahan yang dilakukan terkadang berupa penterjemahan harfiah, penterjemahan idiomatik atau penterjemahan semantik.
3. Sayyid Quṭb seperti yang telah dikemukakan dalam sejarah singkatnya sebelum menulis buku-buku yang berkenaan dengan pemikiran Islam secara khas, seperti Tafsir *Fī Zilāl Al-Qur'ān*, beliau telah menulis puluhan buku lainnya berkenaan dengan kesusasteraan. Oleh kerana itu tidak menghairankan jika gaya penulisannya dalam tafsir ini pun begitu kaya dengan gaya bahasa sastera, termasuk dalam pemilihan kata atau

frasa yang berkolokasi. Beberapa kolokasi muncul dengan pilihan kata-kata yang berirama.

4. Tamadun tempatan di mana Sayyid Qutb hidup turut mempengaruhi penerbitan kolokasi. Kehidupan rakyat Mesir yang mesra dengan dunia pentas dan panggung drama memberi kesan pada penggunaan perkataan seperti KN *مَشْهَد* /masyhad/ yang berkombinasi dengan banyak KN, seperti *الْقِيَامَةُ* /al-qiyamat/ sehingga menerbitkan kolokasi *مَشْهَدُ الْقِيَامَةِ* /masyhad al-qiyamat/ atau *السِّتَار* /al-sitar/ yang berkombinasi dengan KK *أَسْدَل* /asdala/ dan membentuk kolokasi *أَسْدَلُ السِّتَار* /asdala al-sitar/.
5. Mengenal pasti bahawa kombinasi kata atau frasa itu adalah sebuah kolokasi tidaklah mudah, terutama bagi para penterjemah pemula. Gagal mengenal pasti kolokasi membawa penterjemah melakukan penterjemahan harfiah yang menyebabkan timbulnya pertentangan kolokasi dalam bahasa sasaran.
6. Terjemahan yang dibuat oleh ramai orang tidak menjamin bahawa hasilnya akan lebih baik daripada yang dibuat oleh seorang. Hal ini boleh dibuktikan dengan membandingkan antara terjemahan yang dilakukan oleh Yusoff Zaky Haji Yacob dengan terjemahan yang dibuat oleh tim penterjemah dari Penerbit Gema Insani Press. Terjemahan dalam Melayu Malaysia yang dilakukan oleh Yusoff Zaky Haji Yacob dalam sejumlah besar terjemahan yang dikutip dalam contoh memiliki ketepatan dan kesahihan yang lebih banyak berbanding terjemahan versi Melayu Indonesia yang dilakukan oleh ramai orang. Terjemahan versi Melayu Malaysia ini selain kerana dilakukan oleh

seorang ulama yang menceburkan diri secara sepenuh masa dalam bidang penulisan (Mohd. Asmadi bin Yakob, 2002: 144), juga kerana dilakukan lebih serius sehingga menghabiskan masa selama lebih kurang sebelas tahun. Selain itu hasil penterjemahannya itu telah pun disemak oleh orang-orang yang sangat berkeelayakan, iaitu *Sahibus-Samahah* Dato' Haji Muhammad Syukri bin Muhammad, Timbalan Mufti Kerajaan Kelantan, *Sahibul-Fadhilah* Dato' Haji Daud bin Muhammad, Qadhi Besar Negeri Kelantan, dan Ustaz al-Adib Muhammad Labib Ahmad, Penulis Islam terkenal dan bekas Penolong Pengarang Majalah Dian (Yusoff Zaky Haji Yacob, 2000:xix). Sementara terjemahan dalam bahasa Melayu Indonesia, meskipun hanya terdiri dari 12 jilid dengan jumlah halaman yang lebih sedikit berbanding versi Melayu Malaysia yang mencapai 17 jilid dengan halaman yang lebih banyak, dilakukan oleh 14 (empat belas) orang di bawah editor ahli, iaitu Ustaz Abdul Aziz Salim Basyarahil dan Dr. Hidayat Nur Wahid, M.A, namun hasil terjemahannya tidak lebih baik daripada versi Melayu Malaysia. Dalam terjemahan versi bahasa Melayu Indonesia ini ditemukan beberapa ayat yang begitu tampak dengan jelas sebagai terjemahan harfiah. Misalnya, frasa *di bawah bayang-bayang pembicaraan* (I/3/178) sebagai terjemahan dari *فِي ظِلِّ الْحَدِيثِ* /fi zill-i al-ḥadīth/, *orang yang beriman akan berhenti di depan kalimat-kalimat* (I/3/171), terjemahan harfiah dari *وَيَقِفُ الْمُؤْمِنُ أَمَامَ هَذِهِ الْكَلِمَاتِ* /wa ya-qif-u al-mu'min-u amāma hādhihi al-kalimāt/, dan *klausa telah sempurnalah hijrah Rasulullah saw. ke Madinah* (I/2/67), terjemahan dari *لَقَدْ تَمَّتْ هِجْرَةُ الرَّسُولِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَى الْمَدِينَةِ* /la-

qad tammat hijrat-u al-rasul şalla Allāh-u ‘alay-hi wa sallam ilā al-madīnat/.

7.2 Sumbangan kajian

Kajian tentang kolokasi bahasa Arab masih sedikit dilakukan para penyelidik, khususnya jika dikaitkan dengan penterjemahannya ke bahasa Melayu. Untuk itu, kajian ini -- pertama -- merupakan tambahan bagi kajian kolokasi dalam bahasa Arab dan sebagai sumber inspirasi para penyelidik linguistik Arab dan penterjemahan ke bahasa Melayu. Dengan dikemukakannya had, kriteria dan ciri-ciri kolokasi bahasa Arab, sekurang-kurangnya kajian berikutnya dapat dilakukan dengan lebih mudah.

Kedua, dari ciri-ciri kolokasi bahasa Arab yang dikemukakan dalam kajian ini, terbukti bahawa definisi tentang kolokasi yang setakat ini disampaikan oleh para linguis tidak sepenuhnya dapat diterapkan untuk kolokasi bahasa Arab. Dengan demikian, kajian ini telah memberikan sumbangan yang cukup bermakna dalam memberikan takrif kolokasi dalam bahasa Arab yang diharapkan dapat menjadikan kajian kolokasi lebih menarik lagi.

Sumbangan yang ketiga, kajian ini selain berkenaan dengan kolokasi yang terdapat dalam Tafsir *Fī Zilāl al-Qur’ān* yang ditulis dengan gaya bahasa yang berbeza dari gaya penulisan tafsir pada umumnya, kerana ditulis oleh seseorang yang sebelumnya telah banyak menulis karya sastera, juga merupakan kajian kes terhadap terjemahannya yang dilakukan oleh penterjemah yang benar-benar memahami gaya bahasa penulisnya. Lebih dari itu, terjemahan ulama besar yang telah banyak menterjemahkan dan menulis buku-buku Islam ini juga telah disemak oleh tokoh-tokoh yang sangat berkelayakan. Oleh kerana itu, contoh-contoh yang telah didiskusikan dalam kajian ini yang berjumlah 328 contoh itu, dapat dijadikan

pedoman khususnya bagi para pengajar bahasa Arab dan terjemahannya, bahkan juga bagi para penterjemah pemula. Langkah-langkah yang telah diambil Yusoff Zaky Haji Yacob itu sepatutnya dijadikan pedoman dalam menterjemahkan teks-teks Arab, khususnya teks-teks yang mempunyai gaya bahasa seperti yang dimiliki oleh Sayyid Quṭb.

Sumbangan keempat, senarai kolokasi yang terdapat dalam lampiran merupakan bahan untuk penyusunan sebuah kamus yang dicadangkan bertajuk *Kamus Kolokasi Arab-Melayu*. Dengan demikian, kajian ini akan memperkaya khazanah perkamusan di bumi Melayu. Sebagai contoh, dalam lampiran disertakan senarai kolokasi yang kata utamanya adalah KN *الْفُرْصَة* /al-furṣat/ yang dari seluruh teks Tafsir *Fī Zilāl al-Qur'ān* ditemukan sebanyak 149 (seratus empat puluh sembilan) kali kemunculan. Berdasarkan kekerapan kemunculan, erti KN *الْفُرْصَة* /al-furṣat/ adalah sebagai berikut:

Makna <i>الْفُرْصَة</i>	Bilangan	Peratus
peluang	133	89.3
kesempatan	15	10.1
keadaan	1	0.67
Jumlah	149	100

Jadual 7.1: Makna KN *الْفُرْصَة* dalam terjemahan Tafsir *Fī Zilāl al-Qur'ān* versi Melayu-Malaysia

Untuk memudahkan dalam mengetahui kata-kata yang boleh berkolokasi dengan KN *الْفُرْصَة* /al-furṣat/, setiap kata dikembalikan kepada akarnya terlebih dahulu, seperti tampak dalam jadual di bawah:

Akar Kata yang Boleh Berkolokasi dengan KN الْفُرْصَة	Bilangan	Peratus
ت ي ح	19	12.8
س ن ح	14	9.4
ن ه ز	8	5.37
ف و ت	8	5.37
و ج د	7	4.7
ع ط ي	7	4.7
ض ي ع	7	4.7
ح ي ن	6	4.03
و د ع	6	4.03
م ن ح	5	3.36
أ ت ي	5	3.36
ح ي ي	3	2.01
ه ي أ	3	2.01
ض ي ق	3	2.01
ذ ه ب	3	2.01
ج ع ل	3	2.01
ق ل ل	2	1.34
ق ض ي	2	1.34
ع و د	2	1.34
ع ر ض	2	1.34
ر ب ص	2	1.34
خ ل ص	2	1.34
ت ر ك	2	1.34
أ خ ر	2	1.34
و ه ب	1	0.67
و س ع	1	0.67
ن ف د	1	0.67
ن ج و	1	0.67
م ه د	1	0.67

م ك ن	1	0.67
م ت ع	1	0.67
ق و م	1	0.67
ق ن ص	1	0.67
ف س ح	1	0.67
غ و ي	1	0.67
غ ن م	1	0.67
غ ف ر	1	0.67
ع م ل	1	0.67
ع د ل	1	0.67
ض م ن	1	0.67
ص و ب	1	0.67
س ب ق	1	0.67
ر ب ح	1	0.67
د خ ر	1	0.67
خ ي ر	1	0.67
ح د د	1	0.67
ب د أ	1	0.67
أ و ل	1	0.67
أ ز م	1	0.67
أ خ ذ	1	0.67
Jumlah	149	100

Jadual 7.2: Senarai Akar Kata yang Boleh Berkolokasi dengan KN ^{الْفُرْصَة}

Dari jadual ini dapat disimpulkan bahawa kata yang paling kerap berkolokasi dengan KN ^{الْفُرْصَة} adalah yang berakar ح ي ت, iaitu sebanyak 19 kali kemunculan atau 12.8. Kata-kata yang diterbitkan dari akar ح ي ت ini dapat berbentuk KK atau KN, seperti tampak dalam jadual berikut:

فَالْفُرْصَةَ مُتَاحَةً	peluang ... dibuka	(M/14/ 619)
إِتَاحَةُ الْفُرْصَةِ	memberi kesempatan	(M/16/160)
الْفُرْصَةُ مُتَاحَةٌ	peluang masih terbuka	(M/2/ 299)
الْفُرْصَةُ الْوَحِيدَةُ الْمُتَاحَةُ	satu-satunya peluang yang terbuka	(M/1/491)
الْفُرْصَةُ الْوَحِيدَةُ الْمُنْتَهِيَةُ	satu-satunya peluang yang diberikan	(M/12/131)
الْفُرْصَةُ الْمُنْتَهِيَةُ لَهُمْ	peluang ...masih terbuka kepada mereka	(M/17/30)
الْفُرْصَةُ مُتَاحَةٌ	peluang yang terbuka	(M/1/141)
الْفُرْصَةُ مُتَبَدِّلَةٌ	peluang yang dibukakan	(M/2/396)
الْفُرْصَةُ مُتَاحَةٌ	peluang yang terbuka	(M/13/621)
الْفُرْصَةُ مُتَاحَةٌ	peluang terbuka	(M/16/573)
تُبَيِّحُهَا الْقُدْرَةُ الْإِلَهِيَّةُ	qudrat Ilahi membuka peluang	(M/12/255)
تُنَاحُ لَهُمْ الْفُرْصَةَ	diberi peluang	(M/13/361)
تُنَاحُهَا الْفُرْصَةَ	mendapat peluang	(M/7/300)
تُنَاحُ لَهُ الْفُرْصَةَ	diberi peluang	(M/2/396)
تُنَاحُ لَهُ الْفُرْصَةَ	ia diberi peluang	(M/15/305)
أُتِيحَتْ لَهُ الْفُرْصَةُ	terbuka peluang	(M/2/280)
أُتِيحَتْ الْفُرْصَةُ	terbuka peluang	(M/2/580)
أَتَاحُ لَهُمْ الْفُرْصَةَ	memberi peluang	(M/5/147)
أَتَاحَ ... فُرْصَةً	peluang-peluang ... yang diberikan	(M/3/509)

Jadual 7.3: Senarai pelbagai kata terbitan dan akar ح ي ت yang berkolokasi dengan KN الْفُرْصَةَ

Berdasarkan senarai ini dapat dibuat entri KN فُرْصَةٌ /furṣat/ dalam kamus yang dicadangkan disusun itu dengan menempatkan kolokasi KN + kata yang berakar pada urutan pertama, selanjutnya diikuti oleh kata-kata yang mengikut jumlah kekerapan dalam senarai seperti yang tampak dalam lampiran.

peluang; kesempatan	فُرْصَةٌ جَ فُرْصٍ
peluang itu terbuka	الْفُرْصَةُ مُتَّاحَةٌ
memberi kesempatan	إِتَّاحَهُ الْفُرْصَةَ
ia (m) diberi peluang	تُتَّاحُ لَهُ الْفُرْصَةُ
terbuka peluang	أُتِّبِحَتْ فُرْصَةٌ
memberi peluang kepada mereka	أَتَّاحَ لَهُمُ الْفُرْصَةَ
kesempatan yang terbuka	الْفُرْصَةُ السَّائِحَةُ
mendapat peluang	فُرْصَةٌ تُسَنَّحُ
mendapat peluang	سُنِّحَتْ الْفُرْصَةُ
peluang hilang sia-sia, terluput	تَضَيَّعَ الْفُرْصَةُ
menyempitkan peluang	تَضْيِيقُ لِفُرْصٍ
peluang yang diberikan	الْفُرْصَةُ الْمُعْطَاةُ
memberi peluang kepada setiap orang	إِعْطَاءٌ كُلِّ أَحَدٍ فُرْصَتَهُ

Jadual 7.4: Contoh entri kata فُرْصَةٌ dalam kamus kolokasi yang dicadangkan

Sumbangan kelima, korpus data yang berupa teks elektronik Tafsir *Fī Zilāl al-Qur'ān* yang telah mengalami perbaikan dan penyesuaian dengan tafsir dalam bentuk buku merupakan bahan kajian lebih lanjut berkenaan dengan kolokasi atau konkordansi dilihat dari sudut pandang yang lain.

Sumbangan keenam, dalam kajian ini penyelidik berjaya menambah jenis-jenis baru kolokasi yang setakat ini belum pernah dibahas. Jenis-jenis kolokasi yang baru ini adalah: (1) Kolokasi Binaan Mā + Min, (2) Kolokasi FS, (3) Kolokasi KN + FS, (4) Kolokasi KNm + KSN + KNj, dan (5) Kolokasi Prt *أَمَّا* /ammā/ + *فَ* /fa/. Meskipun tidak seluruh jenis kolokasi ini boleh dimasukkan dalam entri kamus kolokasi yang dicadangkan bakal disusun, sekurang-kurangnya jenis-jenis kolokasi ini dapat membantu para pembelajar bahasa Arab, termasuk para penterjemah

pemula, dalam mengenal pasti kolokasi yang perlu mendapat perhatian khas yang berbeza dengan perlakuan mereka terhadap kata-kata secara berasingan.

Data kolokasi yang berasal dari Tafsir *Fī Zilāl al-Qur'ān* tentunya harus ditambah lagi dengan data lain yang diambil pelbagai korpus dalam pelbagai bidang dan bukan terhad pada bahasa keagamaan. Dengan demikian diharapkan kamus kolokasi tersebut dapat digunakan dalam pelbagai kepentingan.

7.3 Saranan

Kegiatan penterjemahan buku-buku berbahasa Arab ke bahasa Melayu, sama ada Melayu-Malaysia atau Melayu-Indonesia akan terus berlaku selama masyarakat pengguna bahasa Indonesia ini masih lagi berkeinginan untuk memperdalam pengetahuan mereka tentang agama Islam. Sementara itu berdasar pengamatan sepintas, tidak sedikit buku-buku terjemahan itu yang bukan sekadar membawa maklumat tentang Islam yang ditulis oleh para ulama dan pakar Arab, tetapi juga membawa serta gaya bahasa dan sistem tatabahasa Arab. Banyak faktor yang menyebabkan lahirnya terjemahan yang kearab-araban itu, namun sekurang-kurangnya dari sekian banyak faktor adalah kurangnya bekalan kamus yang dapat dijadikan rujukan oleh para penterjemah, terlebih lagi kamus yang khusus berkenaan dengan kolokasi termasuk di dalamnya idiom, ungkapan tetap, peribahasa, kiasan dan yang sejenisnya.

Oleh kerana itu, saranan yang paling utama adalah perlunya segera disusun kamus-kamus seperti itu. Kajian berdasar korpus bahasa perlu digalakkan untuk memperoleh sejumlah besar data sebagai bahan dalam penyusunan kamus tersebut.

Kamus dwibahasa, iaitu Arab-Melayu khusus tentang kolokasi yang mencakup idiom, peribahasa, kiasan dan ungkapan tetap tentunya dapat membantu

para pembelajar bahasa Arab dan penterjemah. Kamus khas kolokasi ini akan memberikan contoh-contoh pemakaian setiap kata dalam bahasa Arab dan padanannya yang terdekat dalam bahasa Melayu. Dengan demikian kamus seperti ini akan dapat membantu para penggunanya dalam mengenal pasti kolokasi bahasa Arab dan menemukan padanannya secara cepat dalam bahasa Melayu.

Berdasarkan pengamatan terhadap terjemahan Tafsir *Fī Zilāl Al-Qur'ān* sama ada versi Melayu Malaysia atau versi Melayu Indonesia, kajian ini mencadangkan bahawa untuk menghasilkan terjemahan yang alami seperti yang diungkapkan oleh Nida dan Taber (1974:12) “*the best translation does not sound like a translation*”, hasil penterjemahan sepatutnya ‘digilap’ sebagai pekerjaan lepas penterjemahan (*a post-translation task*) oleh seorang editor, iaitu seorang penutur asli ekabahaa sama ada bahasa Melayu Malaysia atau Melayu Indonesia. Ini dimaksudkan agar diperoleh bahasa target yang wajar tanpa terpengaruh oleh gaya bahasa dan tatabahasa bahasa sumber. Sebagai alternatif, dapat juga dilakukan seperti yang dicadangkan oleh Newmark (1988: 222), proses ‘penggilapan’ tersebut dilakukan oleh penterjemah sendiri sebagai *final post-translation editing*, iaitu dengan membaca teks bahasa target – dalam hal ini bahasa Melayu Malaysia atau Melayu Indonesia – tanpa merujuk ke teks bahasa sumber, bahasa Arab. Yang patut diperhatikan adalah, penterjemah selayaknya tidak menciptakan kolokasi sendiri jika dalam bahasa target sudah terdapat kolokasi padanan, kerana kolokasi yang dibuatnya itu dapat menimbulkan silap pentafsiran. Untuk mendapatkan kolokasi yang boleh diterima dalam bahasa target, penterjemah harus mengasingkan kolokasi bahasa sumber dari bahasa target. Hal ini boleh membantu penterjemah dalam mendapatkan semula padanan kolokasi dalam bahasa target yang bersumber pada ingatannya atau sumber lain.

Terakhir, dari semua penyelidikan lanjutan yang dicadangkan satu hal yang sangat diharapkan, iaitu adanya peningkatan dalam mutu terjemahan sehingga terjemahan semua kitab-kitab bahasa Arab sama ada dalam bahasa Melayu-Malaysia atau Melayu-Indonesia bukan sekadar terjemahan yang “*does not sound like a translation*”, tetapi penterjemahnya pun akan mendapat pujian dan sanjungan dari para pembacanya dengan ucapan – meminjam ungkapan Nida dan Taber (1974: 173) – “Saya tidak mengira sebelumnya bahawa Sayyid Qutb – atau penulis Arab lainnya – mahir berbahasa Melayu”.